

Lembaga Pengarah

Y Bhg Tan Sri Dato' Azman Hashim

Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Y Bhg Tan Sri Datuk Dr Aris Othman

Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif

Y Bhg Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Y Bhg Dato' Izham Mahmud

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Y Bhg Dato' Larry Gan Nyap Liou @ Gan Nyap Liow

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Encik Cheah Tek Kuang

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Encik Kok Tuck Cheong

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Puan Pushpa Rajadurai (Pushparani A Moothathamby)

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif



Setiausaha Syarikat Kumpulan

Ravindra Kumar Thambimuthu
LL B (Melbourne)
LL B (Hons)
LL M (London)
Dip Air & Space Law (London)

ravindra-kumar@ambg.com.my

Maklumat Korporat

Pejabat Berdaftar

Tingkat 22
Bangunan AmBank Group
55, Jalan Raja Chulan
50200 Kuala Lumpur
Malaysia
No. Telefon: 603-2078 2633/44/55
No. Faks: 603-2031 6453
Teleks: MA 31167 & 31169 ABMAL
Kabel: ARABMAL

Pendaftar

Symphony Share Registrars Sdn Bhd
Aras 26
Menara Multi-Purpose
Capital Square
No. 8, Jalan Munshi Abdullah
50100 Kuala Lumpur
Malaysia
No. Telefon: 603-2721 2222
No. Faks: 603-2721 2530

Juruaudit

Tetuan Ernst & Young
Akauntan Berkanun

Bank Utama

AmBank (M) Berhad

Penyenaraian Bursa Saham

Papan Utama Bursa Malaysia
Securities Berhad (18.05.2005)

Laman web

ambg.com.my

Sila e-mel komen dan pertanyaan anda ke:
gpa@ambg.com.my

Profil Para Pengarah

Y Bhg Tan Sri Dato' Azman Hashim

Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Y Bhg Tan Sri Dato' Azman Hashim, warganegara Malaysia, berumur 67 tahun, telah dilantik ke Lembaga Pengarah pada 4 Januari 2005 dan menjadi Pengerusi AmlInvestment Group Berhad (AIGB) sejak 2005. Pada masa ini, beliau ialah Ahli Jawatankuasa Pencalonan Syarikat.

Beliau juga ialah Pengerusi AMMB Holdings Berhad dan beberapa subsidiari, iaitu AMFB Holdings Berhad, AmBank (M) Berhad, AmMerchant Bank Berhad, AmlIslamic Bank Berhad (dahulu dikenali sebagai AMBB Capital Berhad, dahulu dikenali sebagai AmBank Berhad), AmProperty Trust Management Berhad dan AmAssurance Berhad.

Tan Sri Dato' Azman, seorang Akauntan Berkanun, Ahli Utama Institute of Chartered Accountants dan Ahli Utama Institute of Chartered Secretaries and Administrators, telah berkecimpung dalam industri perbankan sejak 1960 bila beliau menyertai Bank Negara Malaysia dan berkhidmat sehingga 1964. Beliau merupakan Akauntan Berkanun di Azman Wong Salleh dan Co. dari 1964 hingga 1971. Selepas itu beliau menyertai Lembaga Pengarah Malayan Banking Berhad dari 1966 hingga 1980 dan merupakan Pengarah Eksekutifnya dari 1971 hingga 1980. Beliau dilantik sebagai Pengerusi Eksekutif Kwong Yik Bank Berhad, sebuah subsidiari Malayan Banking Berhad, dari 1980 hingga April 1982 apabila beliau mengambil alih AmMerchant Bank Berhad.

Tan Sri Dato' Azman adalah Pengerusi Eksekutif AmcorpGroup Berhad (dahulu dikenali sebagai Arab-Malaysian Corporation Berhad) dan Pengerusi AMDB Berhad, RCE Capital Berhad, Malaysian South-South Corporation Berhad, dan MCM Technologies Berhad. Beliau berkhidmat sebagai ahli Lembaga Pengarah Pembangunan MasMelayu Berhad. Tan Sri Dato' Azman juga terlibat dalam beberapa badan-badan kebajikan sebagai Pengerusi AmGroup Foundation dan Yayasan Kepimpinan Perdana, dan pemegang amanah bagi ECM Libra Foundation, Better Malaysia Foundation dan Yayasan Hepar Malaysia.

Tan Sri Dato' Azman adalah Pengerusi Persatuan Bank-bank Pelaburan Malaysia, Perbadanan Produktiviti Negara, Majlis Perniagaan Asia Timur, dan Pacific Basin Economic Council (PBEC) Antarabangsa dan Pengerusi Bersama Malaysia - Singapore Roundtable. Beliau adalah Presiden Persatuan Malaysia South-South, Persatuan Ekonomi Malaysia-Jepun, Kelab SAHABAT Penjara Malaysia dan Majlis Perniagaan Non-Aligned Movement (NAM). Beliau merupakan Ahli Majlis Penasihat Perniagaan APEC, The Trilateral Commission (Kumpulan Asia-Pasifik), Majlis Perniagaan Malaysia-British, Majlis Perniagaan Malaysia-China, dan Majlis Penasihat Perniagaan United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (UNESCAP). Beliau juga ialah Ketua Mesyuarat Perniagaan ASEAN-Japanese (Jawatankuasa Malaysia, Keizai Doyukai), dan adalah salah seorang dari Lembaga Penasihat Pusat AIM untuk Tanggungjawab Sosial Korporat. Baru-baru ini, beliau telah dilantik menjadi Pro-Canselor, Universiti Terbuka Malaysia dan Ahli Badan Pentadbiran Asian Productivity Organisation, Jawatankuasa Eksekutif Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia dan Panel Penasihat Antarabangsa, Pusat Antarabangsa Bank Negara Malaysia untuk Pengajian dalam Kewangan Islam (INCEIF).





Y Bhg Tan Sri Datuk Dr Aris Othman

Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif

Y Bhg Tan Sri Datuk Dr Aris Othman, warganegara Malaysia, berumur 61 tahun, telah dilantik ke Lembaga Pengarah pada 4 Januari 2005. Beliau adalah Pengerusi Jawatankuasa-jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan, dan Pencalonan Syarikat dan ialah Ahli Jawatankuasa Ganjaran Syarikat.

Tan Sri Datuk Dr Aris juga adalah Ahli Lembaga Pengarah AMMB Holdings Berhad, AmMerchant Bank Berhad dan YTL Power International Berhad.

Tan Sri Datuk Dr Aris pernah berkhidmat dalam pelbagai jawatan di Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dari 1966 hingga 1986. Beliau dipinjam ke Bank Bumiputra Malaysia Berhad, Kuala Lumpur sebagai Ketua Pengurus Besar (Perancangan Korporat, Subsidiari Kewangan, Perbendaharaan dan Sumber Manusia) dari 1986 hingga 1989. Dari 1989 hingga 1999, Tan Sri Datuk Dr Aris berada dengan Kementerian Kewangan, di mana beliau berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif (Kumpulan Asia Tenggara) Bank Dunia dari 1991 ke 1994 dan Setiausaha Agung kepada Perbendaharaan dari 1998 hingga pertengahan tahun 1999. Ini diikuti pula dengan karier dalam perbankan di mana beliau menyandang jawatan-jawatan Pengerusi Eksekutif dan Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad. Pada masa ini, beliau ialah Pengerusi Malaysia Airports Holdings Berhad.

Tan Sri Datuk Dr Aris memperolehi PhD dalam Ekonomi Pembangunan dan Sarjana Sastera dalam Ekonomi Politik kedua-dua daripada Boston University, Sarjana Sastera dalam Ekonomi Pembangunan daripada Williams College, Massachusetts dan Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam Ekonomi Analitis daripada Universiti Malaya.

Y Bhg Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Y Bhg Tan Sri Datuk Clifford Francis Herbert, warganegara Malaysia, berumur 64 tahun, telah dilantik ke Lembaga Pengarah AmlInvestment Group Berhad pada 4 Januari 2005. Beliau juga adalah Ahli Jawatankuasa Pencalonan Syarikat.

Tan Sri Datuk Clifford menyertai perkhidmatan sivil Malaysia pada 1964 sebagai Penolong Setiausaha di dalam Jabatan Perkhidmatan Awam. Dari tahun 1968 hingga 1975, beliau adalah bekas Penolong Setiausaha di Unit Pentadbiran Pembangunan, Jabatan Perdana Menteri. Kemudian Tan Sri Datuk Clifford berkhidmat di Kementerian Kewangan dari 1975 hingga 1997, yang berakhir dengan beliau dinaikkan pangkat sebagai Setiausaha Agung kepada Jabatan Perbendaharaan. Beliau pernah menjadi ahli Lembaga Pengarah beberapa badan berkanun dan syarikat-syarikat awam berkaitan kerajaan.

Pada masa ini, Tan Sri Datuk Clifford adalah Pengerusi Percetakan Nasional Malaysia Berhad dan ahli Lembaga Pengarah Resorts World Berhad, AMMB Holdings Berhad, AmMerchant Bank Berhad, AmBank (M) Berhad dan AmIslamic Bank Berhad (dahulu dikenali sebagai AMBB Capital Berhad, dahulu dikenali sebagai AmBank Berhad). Tan Sri Clifford juga terlibat dalam beberapa badan-badan kebajikan.

Tan Sri Datuk Clifford memegang Sarjana Pentadbiran Awam daripada University of Pittsburgh dan Sarjana Muda Sastera (Kepujian) daripada Universiti Malaya.



Y Bhg Dato' Izham Mahmud

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Y Bhg Dato' Izham Mahmud, warganegara Malaysia, berumur 65 tahun, telah dilantik ke Lembaga Pengarah Syarikat pada 4 Januari 2005. Beliau ialah Pengerusi Jawatankuasa Ganjaran dan Ahli Jawatankuasa-jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan, dan Pencalonan Syarikat.

Dato' Izham menyertai perkhidmatan awam Malaysia pada 1965 dan berkhidmat selama hampir satu dekad, terutamanya di Perbendaharaan Persekutuan. Karier beliau dalam pengurusan bank saudagar bermula pada 1974 dengan Aseambankers Malaysia Berhad, dimana beliau kemudian memegang jawatan Pengarah Urusan untuk lebih daripada 17 tahun.

Pada masa ini, beliau ialah Pengerusi Eksekutif kumpulan syarikat-syarikat Delcom Services Sdn Bhd. Jawatan-jawatan pengarah beliau dalam syarikat-syarikat awam pada masa ini termasuk AMMB Holdings Berhad, AmMerchant Bank Berhad, Pearl Island Country Club Berhad, CNLT (Far East) Berhad, dan Opus International Group plc (dahulu dikenali sebagai Kinta Kellas Public Limited Company).

Beliau memperolehi Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Ekonomi daripada Queen's University, Belfast, Ireland Utara dan Sarjana Sastera dalam Pembangunan Ekonomi daripada Vanderbilt University, Amerika Syarikat.



Y Bhg Dato' Larry Gan Nyap Liou @ Gan Nyap Liow

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Y Bhg Dato' Larry Gan Nyap Liou @ Gan Nyap Liow, warganegara Malaysia, berumur 51 tahun, telah dilantik ke Lembaga Pengarah pada 15 Jun 2006.

Beliau telah bekerja di Accenture, firma pengurusan dan penasihat teknologi sedunia selama 26 tahun sehingga beliau bersara pada Disember 2004. Beliau adalah rakan kongsi selama 16 tahun dan telah memegang banyak peranan kepemimpinan sedunia termasuk Rakan Urusan untuk Malaysia, Asean, Asia dan Pembangunan Korporat, Asia Pasifik. Pada masa ini, Dato' Larry Gan adalah Pengerusi REDtone International Berhad dan Datascan Berhad. Beliau juga adalah Pengarah AmMerchant Bank Berhad, AmBank (M) Berhad, Tanjong Public Limited Company, MIMOS Berhad dan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad.

Beliau adalah Pengerusi Persatuan Industri Komputer Malaysia (PIKOM) dan Naib Presiden Association of Asian Oceania Computer Industry Organisation, dan merupakan ahli "Tangki Fikir" Kementerian Sains dan Teknologi, Tribunal Hak Cipta, dan The Labuan International Financial Exchange Committee.

Dato' Larry Gan ialah Akauntan Berkanun, Ahli Utama Association of Chartered Certified Accountants dan Penasihat Pengurusan Diiktiraf.



Encik Cheah Tek Kuang

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Encik Cheah Tek Kuang, warganegara Malaysia, berumur 59 tahun, telah dilantik ke Lembaga Pengarah AmInvestment Group Berhad pada 4 Januari 2005. Beliau juga adalah Ahli Jawatankuasa-jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran Syarikat.

Beliau menyertai AmMerchant Bank Berhad pada 1978 dan pernah berkhidmat dalam pelbagai jawatan tinggi dalam Bank. Pada 1994, beliau dinaikkan pangkat ke Pengarah Urusan dan beliau menjadi Pengarah Urusan Kumpulan AmMerchant Bank Berhad dari Januari 2002 hingga Disember 2004 sebelum beliau menyandang jawatan Pengarah Urusan Kumpulan AMMB Holdings Berhad. Beliau kekal sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif di AmMerchant Bank Berhad.

Jawatan-jawatan pengarah beliau dalam lain-lain syarikat awam termasuk AmBank (M) Berhad, AmIslamic Bank Berhad (dahulu dikenali sebagai AMBB Capital Berhad, dahulu dikenali sebagai AmBank Berhad), AmAssurance Berhad dan Cagamas Berhad. Pada masa ini, beliau juga ialah Pengarah Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Bursa Malaysia Berhad, dan Pengerusi Pengganti Persatuan Bank-bank Pelaburan Malaysia. Beliau juga ialah Ketua Pegawai Eksekutif AmBank (M) Berhad.

Encik Cheah mempunyai Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya dan ialah Ahli Utama Institut Bank-Bank Malaysia.

Encik Kok Tuck Cheong

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Encik Kok Tuck Cheong, warganegara Malaysia, berumur 50 tahun, telah dilantik ke Lembaga Pengarah AmInvestment Group Berhad pada 4 Januari 2005. Pada masa ini, beliau adalah Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif AmMerchant Bank Berhad.

Encik Kok, graduan daripada University of Southampton mempunyai Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Perdagangan dan Ilmu Perakaunan, dan Sarjana Sains dalam Kawalan Pengurusan Kewangan, telah menyertai AmMerchant Bank Berhad pada Januari 1981. Beliau memulakan kariernya bersama AmMerchant Bank Berhad di dalam Jabatan Perbendaharaan sebelum menyertai Jabatan Perbankan dan Kewangan Korporat dan kemudian di Jabatan Pelaburan dimana beliau memegang beberapa jawatan. Beliau telah dilantik sebagai Pengurus Besar, Perbankan pada Januari 1989 dan kemudian memegang jawatan Pengurus Besar Kanan (dari Ogos 1994) sehingga perantukan beliau sebagai Pengarah Eksekutif pada September 2000. Kemudiannya beliau dilantik sebagai Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif AmMerchant Bank Berhad berkuatkuasa 1 Januari 2005.

Encik Kok juga adalah Pengarah AmInvestment Services Berhad dan AmInvestment Management Sdn Bhd.





Puan Pushpa Rajadurai

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Puan Pushpa Rajadurai, warganegara Malaysia, berumur 48 tahun, telah dilantik ke Lembaga Pengarah AmlInvestment Group Berhad pada 4 Januari 2005. Pada masa ini, beliau adalah Pengarah Eksekutif AmMerchant Bank Berhad.

Puan Pushpa telah menyertai AmMerchant Bank Berhad pada Mei 1989 dan mempunyai pengalaman lebih dari 19 tahun di dalam bidang berkenaan dengan Kewangan Korporat dan Pakar Runding Kewangan. Beliau telah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif AmMerchant Bank Berhad pada 1 Januari 2005. Sebelum ini beliau adalah Pengarah/Ketua Kewangan Korporat yang merangkumi kedua-dua perniagaan ekuiti dan rangkaian ekuiti bagi bank saudagar.

Beliau ialah Ahli Utama Chartered Association of Certified Accountants dan ahli Institut Akauntan Malaysia. Sebelum menyertai AmMerchant Bank Berhad, beliau telah bersama Coopers and Lybrand (sekarang dikenali sebagai PricewaterhouseCoopers).

Pada masa ini, Puan Pushpa memegang jawatan sebagai Pengerusi bagi Jawatankuasa Kewangan Korporat untuk Persatuan Bank-bank Pelaburan Malaysia. Beliau kerap terlibat dalam pembangunan pasaran dan menyertai forum perunding dengan semua badan-badan berkanun di Malaysia. Beliau juga ialah Pengarah AmlInternational (L) Ltd, AmTrustee Berhad, AMMB Consultant Sdn Bhd, Malaysian Ventures Management Incorporated Sdn Bhd dan AmPrivate Equity Sdn Bhd. Beliau juga adalah Lembaga Pesuruhjaya PT AmCapital Indonesia.

Y Bhg Prof Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan Haji Baba

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

(Meletak jawatan sebagai Pengarah pada 30 September 2005)

Y Bhg Prof Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan Haji Baba, warganegara Malaysia, berumur 70 tahun, menyertai Lembaga Pengarah pada 4 Januari 2005. Beliau adalah bekas Pengerusi Jawatankuasa-jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan, dan Ganjaran, dan ahli Jawatankuasa Pencalonan Syarikat.

Beliau ialah bekas Pengarah AMMB Holdings Berhad, AmMerchant Bank Berhad, AmlIslamic Bank Berhad (dahulu dikenali sebagai AMBB Capital Berhad, dahulu dikenali sebagai AmBank Berhad). Pada masa ini, beliau ialah pengarah AmcorpGroup Berhad (dahulu dikenali sebagai Arab-Malaysian Corporation Berhad), Unisem (M) Berhad dan Computer System Advisers (M) Berhad.

Sebelum ini, Prof Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan berkhidmat sebagai Pengerusi Eksekutif Kumpulan Guthrie Berhad dari 1982 hingga 1987 dan Telekom Malaysia Berhad dari 1987 hingga 1995.

Prof Tan Sri Dato' Dr Mohd Rashdan menerima Ijazah Sarjana Muda Sains daripada University of Reading (UK) dan kemudian memperolehi PhD daripada University of Leeds.

Tiada mana-mana Pengarah-pengarah mempunyai hubungan kekeluargaan dengan Pengarah lain atau pemegang saham terbesar Syarikat selain daripada seperti yang dibentangkan disini.

Tan Sri Dato' Azman Hashim, pemegang saham terbesar AmlInvestment Group Berhad (AIGB), ialah Pengerusi dan dianggap mempunyai kepentingan sebagai pemegang saham terbesar AMMB Holdings Berhad (AHB), syarikat induk muktamad AIGB. Beliau juga ialah Pengerusi Eksekutif dan pemegang saham terbesar AmcorpGroup Berhad (dahulu dikenali sebagai Arab-Malaysian Corporation Berhad). AmcorpGroup Berhad ialah pemegang saham terbesar kedua-dua AHB dan AIGB.

Beliau adalah pengarah Slan Sdn Bhd dan Ginagini Sdn Bhd yang merupakan syarikat milik keluarga beliau. Kedua-dua syarikat tersebut dianggap mempunyai kepentingan sebagai pemegang saham terbesar dalam AIGB melalui kepentingan mereka dalam AmcorpGroup Berhad.

Tiada mana-mana Pengarah-pengarah disabitkan dengan kesalahan dalam jangkamasa 10 tahun yang lepas. Tiada mana-mana Pengarah-pengarah mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Syarikat selain daripada yang diumumkan atau dibentangkan dalam Nota 33 Penyata Kewangan dibawah "Baki dan Urus Niaga Penting dengan Pihak-pihak Berkaitan".

Struktur Organisasi Perniagaan Utama

